

Tiga Paradigma Ekonomi Melayu

Oleh : Dr. Mohammad Alinor bin Abdul Kadir

ASASI

1. Pengenalan

Masyarakat dunia kini, sekitar semenjak era ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK/ICT) mulai 1990-an, yang mengamalkan ekonomi pengetahuan (popularnya *k-economy*/ekonomi-i), sebenarnya telah beralih daripada ekonomi berasaskan industri, semenjak revolusi industri Eropah sekitar 1750, yang sebelumnya beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian, yang juga lama sebelumnya beralih daripada ekonomi berasaskan kutip/pungut. Isunya kini, apakah amalan ekonomi masyarakat Melayu semenjak awal hinggalah sekarang? Apakah juga mengikut corak sepertimana yang dimaklumkan tadi, iaitu mengikut corak Eropah/Barat? Jawapannya tidaklah sukar, iaitu tentunya masih ekonomi berasaskan pertanian, walaupun sering diwar-warkan bahawa Bangsa Melayu ini telah beralih kepada ekonomi berasaskan industri dan kini ekonomi berasaskan ilmu. Tidak ada masalahnya. Eropah/Baratpun dizaman sekarang ini masyarakatnya masihlah mengamalkan ekonomi berasaskan pertanian, namun maksud “pertanian” tersebut telah ditafsirkan menerusi idea industri, mungkin sahaja digelar “industri pertanian”. Istilah ini tidaklah asing kpd Bangsa Melayu. Ataupun, ditafsirkan menurut sudut pandang “*k-economy*/ekonomi-i”. Layaklah digelar “ilmu/pengetahuan pertanian”? Apakah ekonominya disini? Adakah bermaksud perseorangan/institusi yang menjadikan “ilmu/pengetahuan pertanian” sebagai sumber ekonomi? Nampak biasa sahaja, sebab UPM dulupun melaksanakan agenda yang sama, tapi kini telah beralih angin. Jadi, jika Bangsa Melayu masihlah mengamalkan ekonomi berasaskan pertanian, maka bagaimanakah boleh diangkat ekonomi ini setaraf ekonomi berasaskan industri ataupun lebih tinggi ekonomi berasaskan ilmu/pengetahuan, seperti yang berjaya dilakukan di Eropah/Barat? Jika ini berjaya dilakukan, beberapa contoh ekonomi berasaskan industri ataupun ekonomi berasaskan ilmu/pengetahuan yang terbenam di dalam ekonomi berasaskan pertanian tersebut perlulah dikembangkan sifat-sifatnya kepada bentuk-bentuk kegiatan ekonomi yang lain. Katalah, perdagangan hasil pertanian di pelabuhan Melaka sekitar kurun ke-15M diantara pelbagai bangsa manusia dunia, memerlukan sebuah balai penerjemahan. Di balai penerjemahan tersebut, beberapa buah kamus Bahasa Melayu-Bahasa Asing untuk hasil-hasil pertanian yang diperdagangkan diusahakan dibangunkan. Ini bermaksud, ekonomi berasaskan ilmu/pengetahuan wujud sebagai sokongan kepada ekonomi berasaskan pertanian. Isunya adalah, bagaimanakah boleh dikembangkan sifat-sifat ekonomi berasaskan ilmu/pengetahuan ini kepada bentuk-bentuk ekonomi yang lain? Mungkin sahaja perlu dibangunkan kemudiannya Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Asing bagi barang-barang dagangan selain pertanian, namun masihlah menyokong pertanian, seumpamanya alat-alat pertanian, hasil-hasil hiliran pertanian (ubat-ubatan, pakaian, makanan-minuman, penapaian, jus, dll), sistem-sistem sukatan dan ukuran untuk perdagangan, sistem matawang yang digunakan untuk perdagangan, istilah-istilah perdagangan, dll. Apakah ini sesuai dipanggil ekonomi-i dan layak dibahaskan sebagai suatu bentuk sumber ekonomi kini? Yang pastinya,

ekonomi berasaskan pertanian masihlah berlangsung, tetapi tumpuan ekonomi bukanlah kepada pertanian, tetapi kepada pembangunan kamus-kamus berbagai bentuk yang kandungannya adalah istilah-istilah berkaitan pertanian. Begitu juga, ekonomi berasaskan industri pertanian bolehlah dibangunkan daripada memajukan alat-alat pertanian, ekonomi berasaskan industri perbankan bolehlah dibangunkan daripada memajukan sistem matawang, ekonomi berasaskan industri perubatan boleh dimajukan daripada ekonomi hiliran pertanian ubat-ubatan, ekonomi industri makanan bolehlah dimajukan daripada ekonomi pertanian makanan-minuman-penapaian-jus, dll. Munasabahkah demikian? Pertaniannya tidak hilang, tetapi penumpuan pertanian adalah kepada industri yang berkait kepada pertanian. Penyelidikan dan pembangunan sebegini tidaklah sama dengan strategi membawa terus apa-apa sahaja yang berlangsung di Eropah/Barat untuk dengan serta-merta diamalkan oleh Bangsa Melayu. Akibatnya amatlah negatif, kegiatan pertanian masyarakat tempatan hilang atau dimundurkan, tetapi sesuatu bentuk yang baru dan asing diperkenalkan kepada masyarakat. Contohnya adalah penanaman asparagus sekitar 1980-an, yang ternyata gagal. Contoh kini adalah pembinaan banyak Kafe Siber di setiap bandar di Malaysia. Matlamatnya adalah untuk rakyat Malaysia melayari internet dan mendapatkan maklumat-maklumat perlu dalam pengurusan hidup mereka. Oleh sebab proses ini adalah secara tiba-tiba, iaitu tanpa mengetahui dengan agak teliti bagaimanakah Bangsa Melayu menanggapi ilmu/maklumat, maka yang jadinya adalah golongan kanak-kanak/remaja/dewasa hanyalah melayan internet untuk tujuan hiburan. Hanyalah mungkin kurang 5% yang memanfaatkannya untuk mendapatkan maklumat, terutamanya siswa/i IPTA/S Malaysia. Bukankah ini suatu pembaziran dan secara tak langsung membangun hal-hal negatif dikalangan masyarakat?

Tamat menjelaskan hal berbentuk teori diatas, kami mengakui sebenarnya belumlah mampu melakukan analisis terhadap kegiatan-kegiatan ekonomi Bangsa Melayu, sehinggakan boleh pula kami mengenal apakah dan bagaimanakah boleh diangkat bentuk-bentuk ekonomi berasaskan industri dan ilmu/pengetahuan ketahap terbaik. Belumlah mampu pada tahap ini. Namun, apa yang kami mampu lakukan disini adalah untuk membincangkan beberapa contoh sistem ekonomi yang diamalkan oleh Bangsa Melayu berdasarkan pepadanan dan telaah kami terhadap beberapa sumber bertulis seperti prasasti, manuskrip malah buku dan artifak.

2. Paradigma Klasik Nilai/Harga

2.1. Sistem Matawang di Indocina

Kami ada menyebut diatas tadi bahawa sistem matawang yang digunakan sebagai perantara jual-beli barang dagangan pertanian boleh diangkat sebagai sebuah industri perbankan, malah boleh lagi diangkat kesatu tahap lagi sebagai ekonomi-i, jika hal-hal perbankan ini dikembangkan sebagai suatu bentuk ilmu di bank, institusi kewangan dan universiti. Sekarang kami mahu membawakan perbincangan berkenaan matawang yang digunakan di Alam Melayu dan Indocina mungkin seawal 100M. Satu-satunya karya Eropah yang menjadi perhatian kami disini adalah Millies, H.C. yang mengarang pada 1870 sebuah buku bertajuk *Recherches sur les Monnaies des Indigenes de L'archipel Indien et de la Peninsule Malaie*. Tentunya, di dalam karya ini

terkandung seluruh maklumat berkenaan penggunaan matawang di Alam Melayu. Kami tidak menemui buku ini, mungkin ada senaskhah di Perpustakaan Kolonial Perancis yang terletak di belakang Perpustakaan Nasional Kemboja, Phnom Penh. Tidak pula kami terfikir untuk mendapatkannya tatkala berkunjung ke Perpustakaan Nasional Kemboja pada tahun 2010. Oleh sebab kami belum menemui karya tersebut, tidaklah boleh kami membicarakan adakah matawang Funan (rumpun Melayu), Mon, Pyu dan Arakan (tiga kaum ini bukan rumpun Melayu) yang bertarikh 100-800M itu turut disenaraikan oleh Millies. Lihat kajian Gutman (1978) dan Mitchiner (1982) tentang matawang perak Funan, Mon, Pyu dan Arakan. Mereka melaporkan :

- i. Tiga Matawang Funan : seunit seberat 9.43g, seperempat unit seberat 2.30g dan sepersepuluh unit seberat 0.70g.
- ii. Tiga Matawang Mon : seunit seberat 8.78g & 8.74g dan seperempat unit seberat 2.43g.
- iii. Lapan Matawang Pyu : seunit seberat 11.05g, 10.10g, 10.07g, 11.30g & 10.8g, separuh unit seberat 4.83g dan seperempat unit seberat 2.77g & 2.55g. Pedagang Cina memanggilnya sebagai teng-chia-t'o/tzu'u-t'an-t'o, maksudnya "berat" atau "matawang ditempa".
- iv. Empat Matawang Arakan : separuh unit seberat 2.50g & 2.90g dan seperempat unit seberat 1.91g & 1.90g.

Penggunaan matawang ini membuktikan bahawa sistem perdagangan di Alam Melayu dan Indocina telah beralih daripada mengamalkan sistem tukaran barang kepada sistem jual-beli berasaskan matawang. Kami tidak pula boleh membuktikan adakah matawang ini tersebar penggunaannya seluruh Alam Melayu. Tetapi, penggunaan matawang sebegini pupus selepas hapusnya Funan-Chenla sekitar 800M. Tiada siapa yang boleh menjawab kenapa hal ini berlaku. Penggunaan matawang cumalah bermula kemudiannya di zaman Melaka, iaitu selepas tahun 1400M, seperti yang dilaporkan dengan teliti oleh Tom Pires (1512-1515/1944). Banyak soalan boleh ditanyakan kepada data yang kami berikan diatas. Apakah nama matawang tersebut? Apakah wujud pemiawaian antara keempat-empatnya? Apakah institusi yang mengawalnya? Bagaimanakah harga barangan pertanian ditetapkan waktu itu? Dan pelbagai soalan yang lain. Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan ini adalah berbentuk sejarah. Beberapa soalan penting yang patut ditanyakan lagi adalah, apakah dan bagaimanakah boleh dibangunkan industri kewangan daripadanya? Seterusnya, apakah data-data ini boleh dikembangkan sebagai silabus pengajian ekonomi kewangan di mana-mana universiti? Soalan yang terakhir ini mudah dijawab, sebab boleh dilaksanakan dengan kudrat seorang pensyarah ekonomi kewangan sahaja.

2.2. Penetapan Harga di Melaka

Seperkara yang ingin kami tambah perbincangannya adalah persoalan, apabila matawang telah digunakan sebagai perantara perdagangan, maka menjadi suatu hal yang agak utama kepada pihak pengurusan perdagangan untuk menetapkan harga/nilai bagi setiap barang yang

diperdagangkan. Bagaimanakah harga/nilai barang disepakati atau ditetapkan? Hal ini tiada langsung kami kesan direkodkan oleh mana-mana teks bertulis di Alam Melayu. Malahan, manuskrip Melayu yang berbicara berkenaan perniagaan amatlah langka, dan kami belum mendapatkannya. Sekali lagi kami terpaksa bergantung kepada Tom Pires (1512-1515/1944) yang berbicara tentang penetapan harga barang/komoditi di Melaka. Beliau mengatakan bahawa sebaik sahaja seorang/sekumpulan pedagang sampai ke Melaka, sekumpulan 10 atau 20 pembeli akan tawar-menawar untuk membeli barang dagangan tersebut sehinggalah harga tertentu disepakati, lalu pedagang tadi dibayar mengikut harga yang disepakati tadi dan barang dagangan bertukar milik. Kami tidak beroleh bukti bagi menunjukkan amalan penetapan harga/nilai sebegini diamalkan dimana-mana kerajaan Melayu yang lain. Cuma, ingin kami memaklumkan bahawa konsep tawar-menawar ini telah dimatematikkan oleh Nash pada tahun 1950, yang menukar lanskap teori ekonomi daripada berteraskan konsep mangsa-pemangsa Adam Smith kepada konsep kerjasama/tolak-ansur/tolong-menolong/gotong-royong (sengaja kami mendapatkan beberapa perkataan Melayu yang setara). Beliau dianugerahkan Hadiah Nobel disebabkan penemuan ini.

3. Paradigma Neo-Klasik Utiliti dan Konsep Manfaat Abdul Rauf Singkel

Seterusnya, kami mahu membincangkan berkenaan konsep ekonomi yang diusulkan oleh Abdul Rauf Singkel sekitar 1633 di Aceh, lalu kami mahu membahaskan keterkaitannya secara bandingan dengan apa yang berlaku di Eropah sezamannya. Kami mengharapkan agar perbincangan ini boleh membuka jalan kepada pembinaan teori-teori ekonomi yang boleh menjelaskan kegiatan perdagangan Bangsa Melayu semenjak awal. Sepanjang berkembangnya teori-teori ekonomi di Eropah, kebanyakan sarjananya bukanlah hanya membincangkan isu-isu berkaitan ekonomi yang berlangsung dizamannya, seperti nilai, harga, gaji, upah, cukai, untung-rugi, sewa, pinjaman, pelaburan dan lain-lain, malah berusaha keras memahami teori-teori ekonomi yang dirasakan berlangsung dizaman-zaman sebelumnya. Salah satu daripada konsep ekonomi di Eropah yang amat teliti dikembangkan semenjak Copernicus sehinggalah kini adalah konsep utiliti. Kami bolehlah memberikan ringkasan teorem-teoremnya disini, yang telah beberapa kali kami dan pelajar-pelajar kami tuliskan, lihat Lai Yin Her (2006), Lilysuriazna (2005), Mohammad Alinor (2011a & 2011b), Lilysuriazna dan Mohammad Alinor (2005 & 2006) dan Nur Salwani Halisa (2005) :

- i. Nicholas Barbon (1690) : Nilai kesemua barang-barang dagangan bergantung kepada kegunaan barang tersebut. Barang yang tiada kegunaan dianggap tiada nilai.
- ii. Daniel Bernoulli (1738) : Utiliti bagi sesuatu pulangan tidak berkadar secara terus dengan nilai wang pulangan tersebut. Oleh itu, terdapat nilai fungsi yang berkurang secara negatif sehinggakan jumlah utiliti berkadar dengan nilai objektif wang.
- iii. Ferdinando Galiani (1750) : Kekuasaan sesuatu benda yang menyebabkan kita memperoleh kebahagiaan.
- iv. Richard Cantillon (1755) : Sesuatu barang itu mesti mempunyai nilai utiliti sebelum dihasilkan.

- v. Jeremy Bentham (1780) : Sifat khas di dalam sebarang objek yang cenderung memberikan faedah, kelebihan, kenikmatan, kebaikan dan kegembiraan.
- vi. William Stanleys Jevons (1781) : Koefisien bagi utiliti secara umumnya adalah fungsi menyusut bagi kuantiti objek yang digunakan, iaitu dU/dx bagi fungsi utiliti $U=f(x)$ terhadap penggunaan komoditi x .
- vii. Llyod, W.F. (1833) : Utiliti bagi jagung selepas penuaian secara besar-besaran adalah sama nilainya seperti pada waktu kebuluran. Oleh itu, kualiti yang terdapat dalam suatu komoditi adalah perasaan yang wujud dalam fikiran. Utiliti juga berbagai mengikut kepelbagaian keadaan luaran, yang boleh mempengaruhi perasaan. Utiliti tidak mempunyai kepelbagaian terhadap kualiti dalaman komoditi, yang sebenarnya merupakan objek itu sendiri.
- viii. Hermann Heinrich Gossen (1854) : Jumlah utiliti terbit daripada penggunaan barangan menyusut bagi setiap unit tambahan komoditi. Iaitu $MU(1)/h(1)=MU(2)/h(2)=\dots=MU(i)/h(i)$, untuk semua i , yang $MU(i)$ adalah utiliti marginal bagi barangan i pada harga $h(i)$.
- ix. Carl Menger (1871) : Istilah utiliti hanyalah perkataan, yang seerti dengan faedah.
- x. Leon Walras (1874) : Fungsi utiliti adalah terpisahkan sehinggakan utiliti bagi x ditakrifkan sebagai $U(x)=\sum u(i)(x(i))$, yang $u(i)(x(i))$ adalah utiliti bagi barang $x(i)$.
- xi. Edgeworth (1881) : Memperkenalkan fungsi utiliti $U(x,y,z,\dots)$ dan berhujah bahawa nilai yang terbaik untuk memaksimumkan utiliti adalah $\iiint dndtdp$, dn perasaan individu, dt masa dan dp peningkatan keinginan yang boleh dicapai.
- xii.
- xiii. (termaju) Aksiom Utiliti Debreu (1983)
 - (U1). Manusia rasional (boleh membuat perbandingan/penertiban setiap pasangan komoditi yang berhadapannya, dan perbandingan/penertiban itu transitif);
 - (U2). Manusia rakus dan tidak jemu-jemu (lagi banyak lagi bagus);
 - (U3). Komoditi selanjar, iaitu set komoditi boleh diberi topologinya dalam sebutan jarak J sehinggakan jika a LS (lebih suka) b , maka wujud $\epsilon > 0$ sedemikian rupa x LS y , $J(x,a)<\epsilon$ dan $J(y,b)<\epsilon$; atau jika a LS b dan b LS c , maka $(ma+(1-m)c)$ LS b , bagi $0<m<1$;
 - (U4). Cembung, iaitu jika x LS y , maka $(ax+(1-a)y)$ LS y ;
 - (U5). Fungsi f terbezakan dua kali selanjar.

Aksiom Utiliti Debreu di atas kami ambil daripada Shaharir (2008/2010/2012). Bukanlah kami sengaja mahu menunjukkan bahawa konsep utiliti Eropahlah yang paling maju dan diterima pakai oleh ramai pakar ekonomi, tetapi tujuan kami adalah untuk mencelah mengatakan bahawa di Alam Melayu ini sendiri, konsep utiliti tersebut juga dibincangkan. Kami mahu membawakan perbincangan tentang sebuah manuskrip karangan Sheikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri (1011H/1633M) bertajuk *Mir'ah al-Tullab Fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam al-Shar'iyyah Li al-Malik al-Wahhab*, simpanan PNM MS 1046. Kitab ini adalah dalam Bahasa Melayu, walaupun

tajuknya Arab. Kitab ini dikaji oleh Zulkefli dan Muhammad Subari (tt). Yang menariknya, Syeikh Abdul Rauf berhujah tentang manfaat/guna(?) /pakai(?) sesuatu barang yang menjadi ukuran sah kontrak jual-beli. Contohnya, tidak sah jual-beli ular, kala jengking, tikus dan lipas kerana tiada manfaat kepada syarak dan umum. Juga, tiada manfaat jual-beli binatang buas yang tidak boleh dilatih untuk kegunaan seperti perburuan, keselamatan dan pengangkutan. Sungguhpun begitu, keperluan perubatan dan binatang peliharaan (termasuk yang pelik) dianggap bermanfaat. Contohnya, lintah, unggas, kucing dan sebagainya boleh dijual-beli semata-mata untuk menikmati mutu suara, warna yang cantik, sumber perubatan dan sebagainya. Barangan yang tiada fungsi seperti dua butir gandum tidak sah dijual-beli. Barangan yang melalaikan seperti alat muzik, contohnya kecapi dan serunai, tidak sah dijual-beli kerana ini bukan barang yang sah menurut syarak. Bolehkah dibangunkan teorem manfaat/guna/pakai Abdul Rauf (1633) berbanding teorem-teorem utiliti Barbon (1690) sehinggalah Debreu (1983) itu? Itu mungkin sesuai dijawab oleh mana-mana siswazah yang menyelidik tesis tahap Sarjana ataupun Doktor Falsafah dimana-mana Jabatan Matematik/Sains Pengurusan. Kajian yang kami nyatakan diatas sebenarnya amatlah perlu diteruskan, sebab itulah salah satu bentuk kajian etnoekonomi Melayu yang mampu menghasilkan rumus matematik bagi konsep manfaat Abdul Rauf. Rumus ini nantinya bolehlah dibandingkan “kelebihan”nya berbanding rumus-rumus matematik utiliti Barbon sehinggalah Debreu. Lalu, diharapkan rumus tersebut boleh menjelaskan corak aktiviti berekonomi umat Melayu-Islam? Kajian-kajian berteori sebeginilah yang sebenarnya perlu dihasilkan dengan lebih kerap dikalangan siswazah dan pensyarah universiti, agarnya pada suatu masa nanti, aktiviti-aktiviti seharian umat Melayu, seumpama aktiviti ekonomi ini, dapat diangkat ketahap saintifik. Cumanya, pertanyaan yang mungkin tidak dapat kami jawab setakat ini adalah, apakah karya ekonomi sebegini wujud di Pahang, Terengganu, Kelantan, Patani dan Campa seawal masuknya Islam sehinggalah zaman Abdul Rauf Singkel?

4. Paradigma Kebahagiaan dan Subhagia Melayu

Konsep utiliti Barat sebenarnya dianggap oleh pemikir-pemikir Barat sendiri sebagai hanyalah tafsiran kebendaan kepada maksud kebahagiaan. Kinipun, menerusi banyak kajian dan tulisan, contohnya oleh Frey dan Stutzer (2003), kebahagiaan masihlah ditakrifkan sebagai kebahagiaan kebendaan, iaitu bertanyakan kepada banyak manusia (lebih ramai dan lebih rencam kelas statistiknya lebih baik), apakah perkara-perkara yang memberikan kebahagiaan kepada manusia itu. Hal-hal keagamaan amatlah minimum disentuh, namun aspek akal pastilah sesuatu yang utama disentuh, terutama apabila golongan sasaran adalah kalangan intelektual. Pada kami, pengaksioman Zaman-Shaharir-Rohani, lihat Shaharir (2002, 2005, 2006a & 2006b) dan Shaharir dan Rohani (1996), tersebut adalah suatu bentuk pembaikan mendasar kepada aksiom Debreu, yang sepatutnya mampu dilakukan lama dulu mengikut konteks oleh pemikir-pemikir Yahudi-Kristian Barat, yang mungkin ada. Gelintaran kami menunjukkan bahawa Arkoun (2000) juga berusaha memberikan tafsiran kuantitatif kepada kebahagiaan. Namun, seperti yang dibicarakan oleh Shaharir kepada kami, maksud “keseimbangan optimum” pada Arkoun tersebut mengelirukan. “Keseimbangan” adalah tahap penengah dalam sesuatu perkara, sedangkan “optimum” adalah tahap pangkal-hujung (minimum dan maksimum) bagi sesuatu perkara, mana

mungkin kedua-dua perkataan ini digabungkan. Mana mungkin “penengah yang pangkal-hujung”? Kecualilah wujudnya set keseimbangan, iaitu wujudnya banyak titik keseimbangan, yang apabila ditertibkan, bolehlah kita mentakrifkan “keseimbangan pangkal” dan “keseimbangan hujung”, tapi selalunya titik keseimbangan ini unik/bitara sifatnya. Kami mesti mendapatkan maksud sebenar yang dinyatakan oleh al-‘Amiri, takkanlah beliau menukulkan konsep “optimum”(dalam istilah Arab), yang hanya digunakan di Barat sekitar kurun ke-19M. Namun kemungkinannya ada sebab perkataan ini berasal dari bahasa Latin, yang sedia dimaklumi istilah-istilah utamanya oleh ilmuwan-ilmuwan Islam, dan mungkin al-‘Amiri mendapatkan perkataan Arab yang setara. Dalam hal ini, kami akan memanfaatkan karya HAMKA (pra-1939/1939/2001 yang membahaskan makna konsep kebahagiaan (termasuk di dalamnya utiliti) Pitagoras, Plato, Aristotle, Hendrik Ibsen, Thomas Hardy, Leo Tolstoy, Bertrand Russell dan George Bernard Shaw. Lalu kemudiannya beliau membandingkan konsep kebahagiaan Barat tersebut dengan apa yang dimaksudkan dalam Islam, terutamanya beliau membahaskan konsep kebahagiaan al-Ghazali, mungkin sekali daripada karyanya *Kimiya al-Sa’dah* itu. Mengikut tafsiran HAMKA, al-Ghazali membahagikan kebahagiaan kepada lima fasa, iaitu akhirat, akal-budi, tubuh-badan, luar tubuh-badan dan pimpinan Allah SWT. Yang menariknya mahu kami nyatakan disini, konsep Maqasid Shari’a yang dibicarakan dalam pertemuan ini termaktub didalam lima kebahagiaan al-Ghazali tersebut, iaitu pemeliharaan agama (dalam fasa akhirat), nyawa (dalam fasa tubuh-badan, yang terangkum di dalamnya nyawa), akal budi, harta (dalam fasa luar tubuh-badan) & keturunan (dalam fasa luar tubuh- badan). Manakala, aksiom Zaman-Shaharir-Rohani tersebut menghayati pembahagian kebahagiaan al-Ghazali-HAMKA ini menerusi fasa-fasa : (i) akhirat; (ii) akal-budi, tubuh-badan dan luar tubuh-badan, iaitu menerusi : (i) set komoditi ukhrawi fardhu dan set ukhrawi bukan fardhu (pimpinan Allah SWT boleh juga dirangkumkan disini); (ii) set duniawi fardhu dan set duniawi bukan fardhu juga (UW2)-(UW4). Perbincangan tentang Maqasid Shari’a, atau sepertinya, dikalangan ilmuwan Melayu juga kami kesan dilakukan oleh Haji Omar Nuruddin Sungai Keladi (1867-1946) menerusi bukunya *Kitab Jalan Sejahtera* (1917), terbitan Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Padanya, Maqasid Shari’a terbahagi kepada enam bahagian, iaitu pemeliharaan aspek-aspek ugama Islam, diri, akal, keturunan, kemaluan dan harta. Ini lebih awal daripada HAMKA. Kami belum memperoleh karya ini untuk diteliti. Cuma, apa yang tidak disentuh oleh HAMKA adalah maksud “bahagia” dalam masyarakat Melayu, yang sedikit sebanyak kami pangkung dalam Shaharir dan Mohammad Alinor (2011), yang berusaha menelusuri sejarah perkataan “bahagia” dan maknanya. Kami mendapati seawal 606S/684M, seperti yang terpahat pada prasasti Talang Tuwo, Palembang, Sumatera, perkataan “subhagia” bermaksud “tanaman menjadi, segala ternakan dan hamba abdi mereka sihat, rakyat tidak ditimpa bencana, tidak mendapat siksaan, tanpa penyakit tidak boleh tidur, berhasil yang baik dalam setiap pekerjaan, tiada penyakit, awet muda, tiada kecurian, tiada kecurangan, tiada pembunuhan, tiada penzinaan, baik hati, mengikut sila/adab, sabar, dianugerahi kekuatan pandangan, rajin, pakar seni dan beroleh sahabat-sahabat yang bijaksana”. Manakala di dalam prasasti bertarikh pada 811S/899M yang ditemui di Campa/Vietnam pula, terpahat di dalamnya penentangan habis-habisan terhadap “tamak haloba (lobha), gila-asyik (moha) dan kebanggaan (mada)”, juga disarankan bersifat sederhana/tengah dalam mengejar hidup kapitalis-liberalis, iaitu “harta kekayaan (artha), keseronokan (kama) dalam kehidupan, dan pembuatan keputusan (apaksapata)”. Maksudnya, sekitar kurun ke-9M lagi, di Alam Melayu ini, telah disarankan agar masyarakatnya menghindari keburukan tindakan manusia dalam menguruskan kehidupan sehariannya (berekonomi), ini seumpamalah pra-kritik terhadap aksiom Debreu tersebut, dan jalanilah hidup dengan “subhagia”. Dalam ruangan yang

lain, kami akan cuba membincangkan isu “ekonomi kebahagiaan” ini dalam bentuk yang lebih tersatu-padu, terutamanya untuk kes-kes di Alam Melayu. Kami akhiri dengan sebuah puisi bertajuk Syair Dagang nukilan Hamzah Fansuri, bunyinya begini :

Hai sekalian kita yang kurang
Nafsumu itu lawan berperang
Jangan hendak lebih baiklah kurang
Janganlah sama dengan orang

Amat-amati membuang diri
Menjadi dagang segenap diri
Baik-baik engkau fikiran
Supaya dapat emas sendiri.

Rujukan

- i. Arkoun M. 2000. *Mencapai kebahagiaan menurut Abu-L-Hasan al-'Amiri. Bab 4 dalam Membedah Pemikiran Islam*. Bandung : Penerbit Pustaka.
- ii. Frey B.S dan Stutzer A. 2003. Testing theories of happiness. *Working Paper No. 147*. Institute for Emperical Research in Economics, University of Zurich.
- iii. HAMKA. pra-1939/1939/2001. *Tasauf Moden*. Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- iv. Gutman, P. 1978. The Ancient Coinage of Southeast Asia. *Journal of Siam Society* 66 : 8-21.
- v. Lai Yin Her. 2006. Model-Model Utiliti dan Kegunaannya di Malaysia. *Tesis Ijazah SmSn*. PPSM, FST, UKM.
- vi. Lilysuriazna Raya. 2005. Bukti Bermatematik Menunjukkan Aksiom-Aksiom Utiliti Tunggal Nash Dipengaruhi oleh Aksiom-Aksiom Von Neumann-Morgenstein. *Tesis Ijazah SSn*. PPSM, FST, UKM.
- vii. Lilysuriazna Raya dan Mohammad Alinor Abdul Kadir. 2005. Pengaksioman fungsi tindak balas. *Prosiding Kolokium Siswazah FST ke-5*. 26-27/5/2005. UKM, Bangi.
- viii. -----, 2006. Kerelatifan aksiom-aksiom utiliti tunggal Nash dengan aksiom-aksiom von Neumann-Morgerstern. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis* 2(2006) : 103-114.
- ix. Mitchiner, M. 1982. The Date of the Early Funanese, Mon, Pyu, and Arakanese Coinage ('Symbolic Coins'). *Journal of Siam Society* 70 : 5-12.
- x. -----, 2011. Penilaian Kritis Muslim Terhadap Konsep Utiliti : Kearah membangun Ekonomi Kebahagiaan. *The Fourth FOCUS Annual Conference*, IIIT (East Asia), 18-19 Jun 2011, Phuket, Thailand. Akan terbit dalam *Kesturi* 2013(1).
- xi. -----, 2012. Konsep Ekonomi Manfaat Alam Melayu. *Seminar Etnomatematik Rumpun Melayu*, 2/7/2011, INSPERM, UPM.
- xii. Nur Salwani Halisa Abu Bakar. 2005. Perkembangan Konsep Utiliti : Falsafah, Matematik dan Aksiom. *Tesis Ijazah SmSn*. PPSM, FST, UKM.
- xiii. Shaharir b.M.Z. 2002. Kaedah pengajaran dan pendidikan pengoptimuman yang mendekati Islam. *Prosiding SKSM Ke-9*. Bangi : PPSM, UKM, pp. 313-320.

- xiv. -----, 2005. Sains Matematik dan Pengurusan. *Jurnal Ukuran Kualiti dan Analisis* 1(1) : 1-43.
- xv. -----, 2006a. Penganggaran nilai wustdo dalam pengaturcaraan linear bermatlamat tunggal. *SKSM Ke-14*, UM.
- xvi. -----, 2006b. Pendekatan baru terhadap konsep optimum kini dan beberapa konsep optimum baru. *Kesturi* 16 (1&2) : 64-104.
- xvii. -----, 2008/2010/2012. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: UMT.
- xviii. Shaharir b.M.Z. dan Alinor M.b.A.K. 2011. Keperihatinan pemimpin dan sarjana Rumpun Melayu terhadap keterlestarian. *Mimeograf*. Terjemahannya akan muncul dalam jurnal MAKARA, UGAMA, Indonesia 2013.
- xix. Shaharir b.M.Z. dan Rohani A.R. 1996. Pengaruh sistem nilai dalam pengoptimuman utiliti berketentuan : Kearah teori yang lebih serasi dengan Islam. *Prosiding SKSM Ke-7*. Shah Alam : ITM, pp. 290-296.
- xx. Sheikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri. 1633. *Mir'ah al-Tullab Fi Tashil al-Ma'rifah al-Ahkam al-Shar'iyah Li al-Malik al-Wahhab*, simpanan PNM MS 1046.
- xxi. Tan Malaka. 1943/2000. *Madilog*. Jakarta : Teplok Press.
- xxii. Tom Pires. 1512-155/1944. *Suma Oriental*. Terj. Armando Cortesao. Nendeln : The Hakluyt Society.
- xxiii. Zulkefli Aini dan Muhammad Subari Ramli. tt. Teori dan Prinsip Keusahawanan Islam : Peranan dan Sumbangan Syeikh Abdul Rauf Ali Al-Fansuri. Atas talian